



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SEMPENA
PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM
TAHUN 2021**

**19 OGOS 2021(KHAMIS), 9.00 PAGI
SECARA SIDANG VIDEO**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Tan Sri Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Dato' Asri Hamidon
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua-Ketua Setiausaha
Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan

Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail
Ketua Pengarah MAMPU,
Jabatan Perdana Menteri

Wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun,
Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas rahmat dan kasih sayangNya, kita masih dapat bersama-sama meneruskan majlis perasmian Persidangan Digital Sektor Awam 2021, meskipun dalam situasi semasa yang cukup mencabar masa kini.

2. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak MAMPU, Kementerian Kewangan Malaysia dan Awan Biru Technology Berhad yang telah berjaya menganjurkan persidangan ini secara kolaboratif.

3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran ahli panel perbincangan dan para pembentang kertas kerja atas kesudian melapangkan masa untuk berkongsi pengetahuan dan pandangan masing-masing untuk faedah bersama.

4. Saya difahamkan bahawa persidangan ini adalah kali pertama diadakan secara maya sepenuhnya tanpa bersemuka serta melibatkan penyertaan inklusif daripada penggubal dasar dan juga pakar-pakar teknologi maklumat daripada sektor awam serta rakan strategik daripada pihak industri dengan tema “**Norma Baharu Pendigitalan: Memperkasakan Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat.**”

Para hadirin sekalian,

5. Senario dan cabaran semasa serta trend global memerlukan kita mengubah cara kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat agar Perkhidmatan Awam terus diyakini dan dihormati. Kita perlu berubah dan pantas menyesuaikan diri dengan perubahan semasa agar terus kekal relevan. Barack Obama, mantan Presiden Amerika pernah menyebutkan "**Change will not come if we wait for some other person or some other time. We are the ones we've been waiting for. We are the change that we seek.**"

6. Justeru, prinsip **FASTER**, iaitu **Flat, Agile, Streamlined, Tech-enabled, Efficient** dan **Resilient** yang sering saya nyatakan sebelum ini harus menjadi mantera kita bersama. Secara khususnya, prinsip FASTER ini membolehkan penjawat awam sentiasa adaptif dan sensitif kepada kehendak semasa. **Bekerja secara biasa tidak akan membuahkan hasil yang luar biasa.**

7. Hari ini, Perkhidmatan Awam berada di tahap yang cukup kritikal untuk menggalas amanah dan tanggungjawab yang diberikan. Apatah lagi dalam situasi kini, di mana negara berada dalam situasi perubahan kepimpinan, para penjawat awamlah yang harus bertindak memastikan segala perancangan dan dasar yang telah dibuat, terus dilaksanakan dengan efisien dan pantas.

8. Pada masa kini, kita bukan sahaja berdepan dengan cabaran menguruskan Pandemik Covid-19 yang memerlukan usaha kolektif untuk mengatasinya, bahkan juga isu-isu rantaian yang memerlukan penyelesaian secara strategik daripada semua pihak.

9. Antaranya adalah usaha pendigitalan yang amat-amat kritikal dan sangat diperlukan pada masa kini, sesuai dengan elemen *Tech Enabled* dalam prinsip FASTER yang saya nyatakan awal tadi. Begitu juga cabaran digital yang lain terkait dengannya seperti ***Emerging Technologies, Analitik Data dan Revolusi Industri 4.0.***

10. Menurut majalah *Science Direct Research Policy*, teknologi baharu muncul ditakrifkan dengan **lima (5) ciri: pembaharuan radikal, pertumbuhan yang cepat, koheren, kesan yang menonjol dan ketidakpastian ataupun kesamaran.** Apa yang penting teknologi baharu ini akan mengubah 'status quo' dan kita perlu memanfaatkan teknologi ini supaya tidak ketinggalan.

11. *Emerging Technologies* merangkumi pelbagai teknologi dan salah satu contohnya adalah kecerdasan buatan ataupun *Artificial Intelligence* (AI) yang merujuk kepada simulasi kecerdasan manusia dalam mesin yang diprogramkan untuk berfikir seperti manusia dan meniru tindakannya.

12. Gartner, sebuah Firma Penyelidikan dan Penasihat Global yang terkemuka, di dalam kajiannya, mendapati *Artificial Intelligence* (AI) merupakan teknologi yang paling memberi impak dengan margin yang besar. Ia diikuti data dan analitik data. Tiga puluh peratus CIO mengesahkan bahawa mereka telah menggunakan AI dalam perniagaan mereka. Ini menunjukkan bahawa AI telah bersedia untuk menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian manusia pada masa akan datang dan sangat penting untuk kita memahami kelebihanannya agar kita dapat memperolehi manfaat daripadanya.

13. Dalam melaksanakan apa jua inisiatif lebih-lebih lagi di era digital ini, data amat diperlukan sebagai panduan ataupun rujukan utama. ***Data helps you make better decisions.*** Kecekapan penyampaian perkhidmatan yang berpacukan analitik data akan menjadi agenda Kerajaan pada masa hadapan dengan mengoptimumkan penggunaan dan perkongsian data melalui penciptaan produk data yang berpaksikan rakyat.

14. Mempunyai data yang banyak tidak memberi sebarang makna sehinggalah data tersebut dianalisis. Analitik Data ataupun *Data Analytics* adalah satu proses menganalisis data mentah bagi mengenal pasti sesuatu *pattern* atau *trends* daripada sekumpulan data yang besar ataupun *big data* sehingga boleh membantu dalam membuat keputusan yang bijak dan tepat. Ia juga akan mendedahkan corak yang tersembunyi, korelasi yang tidak diketahui dan maklumat lain yang berguna.

INISIATIF KERAJAAN

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Bagi mendepani cabaran dan senario yang telah saya kongsikan sebentar tadi, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bersifat agresif, strategik dan berimpak tinggi merentasi pelbagai agensi di sektor awam.

16. Antaranya, Kerajaan telah meluluskan sebanyak **128 projek ICT** dan **pendigitalan** melibatkan kos keseluruhan sebanyak **3.8 billion ringgit** dengan peruntukan sebanyak **538.7 juta ringgit untuk tahun 2021**. Ia meliputi pembangunan sistem, infrastruktur dan perisian keselamatan siber, latihan kompetensi kerajaan digital serta menaik taraf kelengkapan ICT di institusi latihan.

17. Pelan infrastruktur digital yang menyeluruh dikenali sebagai **Jalinan Digital Negara** ataupun **JENDELA** juga diwujudkan bagi meningkatkan capaian internet. Selain itu, kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan **Dasar Pendidikan Digital** sebagai langkah ke hadapan untuk melahirkan generasi fasih digital dan menjadikan sistem pendidikan kita antara yang terbaik di dunia. Pelaburan dan inisiatif yang dinyatakan ini membuktikan kesungguhan kerajaan untuk merealisasikan agenda pendigitalan negara.

18. Malaysia akan mempercepatkan pelaksanaan teknologi 5G setahun lebih awal, iaitu pada suku ke empat tahun 2021 berbanding dengan tahun 2022 yang diumumkan sebelum ini. Ia akan dilaksanakan di beberapa lokasi terpilih dan kawasan berkepadatan tinggi menjelang tahun 2023.

19. Sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV), milikan penuh Kerajaan telah ditubuhkan, iaitu Digital Nasional Berhad (DNB) bagi membangun, memiliki serta menjalankan operasi prasarana 5G Malaysia. Kemunculan teknologi 5G ataupun teknologi generasi kelima berpotensi besar untuk merancakkan komunikasi mudah alih melalui inovasi di samping mewujudkan industri baharu yang membawa manfaat besar kepada keseluruhan ekonomi negara.

20. Pada tahun ini juga, Kerajaan telah melancarkan **Blueprint MyDIGITAL** yang berpaksikan enam (6) teras utama. Saya ingin memfokuskan kepada Teras Pertama iaitu “Memacu Transformasi Digital Sektor Awam” yang bertujuan memacu transformasi sektor awam untuk menjadi Kerajaan digital. Ini akan dicapai dengan memanfaatkan teknologi, data dan kecerdasan digital, meningkatkan set kemahiran digital penjawat awam dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam talian.

21. Antara sasaran utama *blueprint* ini adalah sumbangan ekonomi digital sebanyak **22.6 peratus** kepada Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK menjelang tahun 2025, pengwujudan **500,000 peluang pekerjaan** dalam ekonomi digital, pelaburan sebanyak **70 billion ringgit** dalam sektor digital dan transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama di sektor awam menjelang tahun 2022.

22. Salah satu objektif pendigitalan Kerajaan adalah untuk meningkatkan jumlah ataupun peratus perkhidmatan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir, pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa perlu berurusan secara bersemuka.

23. Perkhidmatan dalam talian sepenuhnya yang lebih dikenali sebagai **end-to-end** atau ringkasnya **E2E** akan menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Ia mudah, cepat dan selesa serta tiada had masa. Ke arah itu, seperti dinyatakan dalam **Rangka Kerja MyDigital**, Kerajaan telah menetapkan **sasaran 80%** perkhidmatan Kerajaan dalam talian dari peringkat awal ke akhir **menjelang 2025**.

24. Secara keseluruhannya, sehingga **31 Julai 2021**, pencapaian **perkhidmatan E2E bagi sektor awam** adalah sebanyak **57.02 peratus**. Sebagai pendekatan untuk memberi nilai tambah dan memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan meningkatkan kecekapan tadbir urus dalaman agensi, kerajaan telah bersetuju untuk menetapkan **penambahan 5 peratus** daripada perkhidmatan E2E semasa sebagai **Indeks Prestasi Utama (KPI) 2021 Tier-1** bagi penjawat utama Perkhidmatan Awam.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

25. Sebagai penutup bicara, saya ingin menekankan bahawa pendigitalan Kerajaan merupakan agenda nasional pada masa kini dan ia telah menjadi keutamaan dalam mendepani senario semasa. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ketua Pengarah MAMPU sebentar tadi, **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025** telah disediakan bagi menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk tempoh lima tahun sebagai panduan kepada agensi sektor awam yang akan saya lancarkan selepas ini.

26. Saya berharap Persidangan Digital Sektor Awam 2021 ini akan menjadi titik permulaan ataupun **turning point** dalam usaha untuk menjayakan agenda pendigitalan kerajaan. **Perahu sudah di air, pendayung juga telah di tangan.** Marilah kita sama-sama mewujudkan satu simbiosis yang mantap dalam memecut dan melonjakkan Malaysia supaya tersenarai dalam kelompok negara termaju dan terbaik dunia.

27. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakam ucapan terima kasih dan syabas kepada MAMPU dan semua pihak yang telah berganding bahu dalam menjayakan Persidangan Digital Sektor Awam 2021 ini.

28. Dengan lafaz yang mulia, **Bismillahir Rahmanir Rahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Persidangan Digital Sektor Awam 2021** dan seterusnya **melancarkan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025**.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah wassalamuaalaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.